

**B. H. 28 JUL 1971 MORIB, Selasa.**  
**SEMINAR Pemuda UMNO** hari ini mengesakan Kerajaan membentok sa-buah badan penyelidikan untuk mengkaji keperluan tenaga manusia meliputi seluruh negara supaya dapat di-ketahui punca kekurangan atau kelebihan tenaga manusia bagi di-sesuaikan dengan penggunaan jentera.

Demikian antara lima keputusan yang diambil oleh Benkel 'Kesan kejenteraan dan otomasi ka-atas penganggoran' berdasarkan kertas kerja Dr. Mahathir Mohammad, bekas anggota Jawatankuasa tertinggi UMNO Malaysia, yang di-binchangkan sa-chara begitu hangat kelmarin dan semalam.

Dr. Mahathir, dalam kertas kerja-nya itu menegaskan bahawa sa-telah di-kaji dari semua segi penggunaan di-dapati sa-tengah jentera tidak begitu berfaedah kepada Malaysia.

Tetapi sa-ramai 50 orang peserta bengkel itu berpendapat bahawa penggunaan jentera dan komputer tidak dapat di-abaikan dalam proses pembenaan negara.

Segala rumusan dan desakan yang di-putuskan oleh bengkel tersebut telah di-kemukakan semula dalam sidang pleno seminar itu hari ini dan di-luluskan.

## Kelemahan2

Memandang kepada keperluan negara dan hasrat ra'ayat serta sedar akan kelemahan2 yang ada, peserta2 bengkel telah mengeshorkan perkara2 berikut:

- Kajian teliti hendaklah di-buat terhadap penggunaan jentera serta menimbangakan kemajuan negara dan penganggoran ra'ayat.

- Pasokan2 khusus berdisiplin dan terlatah dalam penggunaan jentera hendaklah di-bentok di-tiap2 daerah bagi memesatkan pembangunan negara tanpa memberikan penyertaan tenaga manusia.

- Kajian teliti hendaklah di-buat sa-belum kontrak Kerajaan di-berikan kepada pengusaha2 supaya penggunaan tenaga manusia dapat di-utamakan.

- Kerajaan hendaklah mengkaji semua penggunaan komputer di-kalangan sektor awam

supaya penggunaan-nya lebeh berkesan dan memenohi keperluan2 negara.

Peserta2 bengkel berpendapat bahawa kedudukan penganggoran tidak sama antara negeri2 dalam Malaysia.

## Tak ketara

Di-Pahang, umpamanya, penganggoran tidak begitu ketara tetapi di-Kedah, Kelantan, Trengganu dan Perlis, kedudukannya nyata sekali.

Peserta2 membuat kesimpulan bahawa penganggoran tidak begitu ketara di-negeri2 yang luas tetapi penduduk2-nya kurang.

Ini kerana kesempatan bekerja sentiasa terbuka dan menyebabkan pekerja2 boleh memilih kerja masing2.

Di-negeri2 yang kedudukan penganggoran begitu jelas, penganggor2 tidak pilih kerja asalkan mereka dapat menchari nafkah.

Dalam hubungan ini, peserta2 bengkel berpendapat bahawa penggunaan jentera di-Pahang perlu memandang kepada tenaga manusia di-negeri itu.

Peserta2 juga berpendapat bahawa nisbah penganggoran hendaklah di-tinjau di-tiap2 negeri dan Kerajaan harus memberi keutamaan kepada negeri2 yang menanggung beban penganggoran lebeh besar.

Satu kesimpulan juga di-buat bahawa sa-buah badan perlu di-bentok bagi menentukan bekalan dan keperluan tenaga manusia dapat di-perhitungkan.

## Keutamaan

Keutamaan mesti di-beri kepada tenaga2 tempatan untuk melaksanakan ranchangan2 sa-tempat.

Mengenai pemberian kontrak kerja pula, peserta2 bengkel berpendapat, sa-takat ini Kerajaan tidak membuat

pengkajian yang dalam terutama dari segi penggunaan tenaga manusia ketika membeber kerja2 kontrak kepada pengusaha2 sama ada bagi pekerjaan yang besar atau sa-balek-nya.

Sa-takat ini Kerajaan fannya memandang dari segi perbelanjaan (harga projek) dan tempoh-nya sahaja.

Peserta2 berpendapat, memandang kepada banyak-nya tenaga manusia yang boleh di-gunakan, Kerajaan patut mengenakan satu syarat penggunaan tenaga manusia dalam menjayakan pekerjaan kontrak menjadi salah satu syarat penting sa-belum ia di-berikan.

Bengkel tersebut telah mengkaji sa-chara mendalam mengenai penggunaan jentera, kekurangan jentera, latahan disiplin dan sikap.